

KEINDAHAN NYANYIAN RAKYAT RUNGUS DI MATUNGGONG, KUDAT, SABAH

**AZLAN SHAFIE ABDULLAH
@ RAYMON BIN MAJUMAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
PERPUSTAKAAN

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KEINDAHAN NYANYIAN RAKYAT RUNGUS DI MATUNGGONG KUDAT SABAH

IJAZAH: SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)

SAYA AZLAN SHAFIE ABDULLAH@
RAYMON BIN MAJUMAH

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(mengandungi Maklumat Yang Berdarjah Keselamatan Atau Kepentingan Malaysia Seperti Yang Termaktub Di Dalam Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD


/

TIDAK TERHAD


(mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di aman penyelidikan dijalankan)


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: Kg. Guomon, Matunggong,
Peti Surat 485,
89058 Kudat.

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Prof. Madya Hj. Iphon Shaharuddin Abdul Rahman


Nama Penyelia

Tarikh: 27 Ogos 2010

Tarikh: 27 Ogos 2010

CATATAN: Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



UMS
UNIVERSITI MAI AYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 14 Ogos 2009



**Azlan Shafie Abdullah @
Raymon bin Majumah**
No. Matrik: PS04-011-011



PENGESAHAN

NAMA : AZLAN SHAFIE ABDULLAH @ RAYMON BIN MAJUMAH

NO. MATRIK : PS04-011-011

TAJUK : KEINDAHAN NYANYIAN RAKYAT RUNGUS DI
MATUNGGONG, KUDAT, SABAH

IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)

TARIKH VIVA : 14 OGOS 2009

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

(Prof. Madya Hj. Inon Shaharuddin Abdul Rahman)


(Tandatangan)



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan rakaman penghargaan kepada Profesor Madya Haji Inon Shaharuddin Abdul Rahman, penyelia saya yang sungguh prihatin, sangat memahami masalah pelajar dan amat banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta teguran yang membina kepada saya.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan sanjungan budi kepada Profesor Madya Abdul Jamal Abdul Hamid, mantan Dekan Sekolah Pengajian Seni UMS, yang telah memberi peluang dan laluan kepada saya untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana. Sokongan dan kepercayaan tersebut membolehkan saya mendapat tempat di universiti ini, sehingga pengajian saya selesai.

Saya tidak sekali-kali melupakan semua staf dan kakitangan Pejabat Daerah Kecil Matunggong, terutamanya bahagian Mahkamah Anak Negeri yang amat bekerjasama semasa saya membuat penyelidikan di pejabat berkenaan. Maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh mereka amat membantu ke arah menyempurnakan penyelidikan ini. Saya amat menghargai kesudian para Ketua Anak Negeri di Mahkamah Anak Negeri, Matunggong yang sudi ditemuramah di pejabat mereka.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada para penyanyi nyanyian rakyat Rungus dan para aktivis muzik dan nyanyian Rungus moden atas kerjasama mereka serta kepada semua organisasi yang telah saya kunjungi untuk kajian kepustakaan dan semua individu lain yang telah membantu saya dari segala segi dalam merealisasikan sebuah penyelidikan mengenai genre nyanyian rakyat Rungus yang dirasakan amat perlu diketengahkan dalam masyarakat Malaysia.

Penghargaan saya yang khusus kepada Datuk Haji Shuhailun Yussuf (Dangau Budaya di Kampung Pengelat) yang sudi ditemuramah di rumahnya berkaitan dengan perkembangan nyanyian rakyat di Sabah dan di negara ini, yang begitu banyak membantu saya menjalankan penyelidikan ini. Begitu juga dengan beberapa orang pakar nyanyian Rakyat Rungus yang berkongsi kepakaran mereka untuk menjayakan penyelidikan ini. Akhir sekali, penghargaan yang istimewa juga saya dedikasikan kepada semua sahabat saya membantu saya menyemak keseluruhan tesis ini, sama ada atas kapasiti sebagai seorang etnik Rungus atau sebagai seorang ahli akademik, dengan penuh minat dan rasa tanggungjawab.

Azlan Shafie Abdullah @ Raymon bin Majumah
14 Ogos 2009

ABSTRAK

KEINDAHAN NYANYIAN RAKYAT RUNGUS DI MATUNGGONG , KUDAT, SABAH

Kajian ini merupakan kajian sastera rakyat di Sabah dengan tumpuan diberikan kepada keindahan sastera tradisional genre nyanyian, iaitu nyanyian rakyat Rungus. Kajian ini memberikan penekanan terhadap lirik lagu-lagu tradisional tersebut. Antara elemen genre nanyian yang akan diberi perhatian ialah binaan rangkap, penggunaan bahasa dan peranannya. Elemen-elemen lain yang penting dalam nyanyian rakyat Rungus ialah elemen atau unsur ‘padanan semakna’ yang hampir sama fungsinya dengan pembayang atau sampiran pantun Melayu. Kajian ini mengkaji dan meneliti sampel-sampel lagu-lagu tradisional atau nyanyian rakyat yang terpilih dengan memberikan kategori tertentu, menunjukkan dengan jelas kedudukan unsur ‘padanan semakna’ tersebut dan dalam masa yang sama membuat analisis keindahan setiap sampel yang ditemui.

Seterusnya, kajian ini akan membuktikan bahawa nyanyian rakyat Rungus mempunyai unsur keindahan yang amat tinggi mutu seninya dan dalam masa yang sama, cuba menemukan bukti dakwaan G.N. Appell, bahawa telah terbangun ke tahap yang tinggi dan luar biasa keindahannya sastera tradisional di Sabah, setaraf dengan mana-mana sastera agung dunia. Unsur keindahan nyanyian rakyat Rungus pada tahap tertinggi dengan mutu seni yang agung dan amat halus pengucapannya dapat diperhatikan melalui bentuk, bahasa, melodi, amalan dan peranan nyanyian rakyat Rungus. Kelima-lima fakta ini dapat menyimpulkan bahawa nyanyian rakyat Rungus amat indah.

ABSTRACT

This study aims to place the Rungus Traditional Literature, especially the aesthetics songs genre and existence of the element of the 'padanan semakna' or 'same meaning partner' in Rungus Traditional Song among the ethnic of Rungus, then make a conclusion about the future of this literature genre and the survival needs of Rungus traditionl songs.

This study is an ethnography study which its scope of study focusing to the aesthetic of traditional literatures in songs genre of Rungus folks song. This study will concentrate more to the traditional songs lyric. Such elements will be paid attention more to the building of stanza, the usage of the language and its function to the people of Rungus. The other elements which are important in this study of this Rungus folk songs is the elements called 'padanan semakna' which its function is almost the same with 'pembayang' or 'sampiran' in Malay Pantun. This study will research the tradionals song sample or the selected folk song which it is specific catogery, to show clearly the location of the 'padanan semakna" and at the same time, doing the analysis of the aesthetic for every sample found.

Apart from that, this study is to prove that Rungus folk song has an aesthetic elements in the highest level of art quality. The evidence which G.N. Appels found in his reserch which a high level and unnormal aesthetic, was build totally interesting and most beautiful, sophisticated which is the same level with the others great literature in the world. It is true and really relevant with the traditional litareture, especially the Rungus folk song and its relevtent to this study. A very gentle and smooth pronunciation of this great art and highest quality of aesthetic could be verified as a world great literature seen from its facts such as its figure, melody, language, practicality and the function. As such we can conclude the Rungus folk songs are great and beautiful.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar Belakang Negeri Sabah	3
1.1.2 Latar Belakang Penduduk Pelbagai Suku Kaum Sabah	7
1.1.3 Latar Belakang Suku Kaum yang Dikaji: Rungus	12
a Istlah Momogun dan Hubungannya dengan Kadazandusun	16
b Rumah Panjang <i>Bbinatang</i> Suku Kaum Rungus	16
c Sistem Politik	22
d Sistem Ekonomi	24
e Sistem Sosial	25
i Aktiviti-aktiviti Rutin dalam Rumah Panjang	26
ii Bertani Ladang Padi Huma dan Pindah-Randah	26
iii Majlis Keramaian dan Upacara Ritual	26
iv Berkunjung ke rumah Jiran Sekampung atau Berlainan Kampung	27
v Adat Istiadat Suku Kaum Rungus	28
1.2 Permasalahan Kajian	29
1.2.1 Lokasi Kajian	30

1.3	Tujuan Kajian	31
1.4	Hipotesis Kajian	31
1.5	Kepentingan Kajian	34
1.6	Sorotan Kajian Lepas	37
1.7	Metodologi Penyelidikan	41
1.8	Kaedah Penyelidikan	41
	1.8.1 Kaedah Pemerhatian	41
	1.8.2 Kaedah Perpustakaan	42
	1.8.3 Kaedah Temu Bual	42
	1.8.4 Kaedah Rakaman Kaset	42
	1.8.5 Kaedah Transkripsi	42
	1.8.6 Kaedah Terjemahan ke Bahasa Melayu	43
	1.8.7 Kaedah Penganalisisan Data	44
1.9	Penutup	45
BAB 2:	RANGKA KONSEP DAN TEORI	46
2.1	Pengenalan	46
2.2	Definisi Tradisi Rakyat (<i>Folklore</i>), Tradisi Lisan dan Sastera Rakyat	47
	2.2.1 Tradisi Rakyat (<i>Folklore</i>)	48
	2.2.2 Tradisi Lisan	51
	2.2.3 Sastera Rakyat	51
2.3	Nyanyian Rakyat Sebagai Sebahagian daripada Tradisi Rakyat	53
2.4	Konsep Nyanyian	57
	2.4.1 Kategori Nyanyian	60
	2.4.2 Ciri-ciri Nyanyian	61
	2.4.3 Peralatan Nyanyian	63
	2.4.4 Nyanyian dan Seni Kata Nyanyian Rakyat	65
	2.4.5 Nyanyian Rakyat Kanak-Kanak	66
	2.4.6 Nyanyian Rakyat Orang Dewasa	68
	2.4.7 Sejarah Awal dan Perkembangan Nyanyian Rakyat	68
2.5	Konsep Pembayang	71
	2.5.1 Pembayang dalam Pantun Melayu	73
2.6	Konsep Keindahan (Aesthetic)	73
	2.6.1 Pendapat Tokoh Tempatan dan Antarabangsa Tentang Keindahan	75
	a Tokoh Tempatan	75
	b Tokoh Antarabangsa	78

2.7	Penutup.	82
BAB 3:	NYANYIAN RAKYAT RUNGUS	84
3.1	Pengenalan	84
3.1.1	Genre-Genre Sastera Tradisional Rungus	84
a	Genre Puisi (<i>Kihogot</i>) Rungus: <i>Bbahul, Sundait, Suribban</i> dan <i>Sambatan</i>	86
b	Genre Lafaz (<i>Roroiton</i>): <i>Rinait</i>	90
c	Genre Nyanyian / Lagu (<i>Lollongozon</i>): <i>Ddihohoi, Ondi</i> dan <i>Sovolli</i>	91
d.	Genre Bisik-Bisikan (<i>Bbubburungon</i>): <i>Adjii, Uhok, Apuw</i>	93
e.	Genre Prosa (<i>Totonganon</i>): <i>Tangon, Tuturan, Usuran</i>	95
3.1.2	Konsep Nyanyian Rakyat Rungus	95
3.2	Jenis-jenis Nyanyian Rakyat Rungus	96
3.3	Ciri-ciri Nyanyian Rakyat Rungus	98
3.4	Perbandingan dengan Nyanyian Rakyat Lain	106
3.5	Penutup	107
BAB 4:	PERANAN NYANYIAN RAKYAT RUNGUS	109
4.1	Pengenalan	109
4.2	Peranan dalam Majlis Keramaian	110
4.2.1	Memeriahkan Majlis	111
4.2.2	Hiburan Tetamu	111
4.2.3	Menyerlahkan Kepakaran Seseorang Penyanyi	112
4.2.4	Menunjukkan Keunikan Tradisi Lisan Rungus	112
4.3	Peranan dalam Masyarakat	113
4.3.1	Sebagai Saluran Komunikasi Secara Halus dan Berseni	113
4.3.2	Wadah Interaksi yang Halus dan Mesra	114
4.3.3	Media Penghargaan kepada Nyanyian Rakyat sebagai Seni Warisan Bangsa	114
4.4	Peranan-peranan Lain	115
4.4.1	Menggalakkan Anggota Masyarakat Berfikir Cepat	115
4.4.2	Menguasai Bahasa	116
4.4.3	Mengekalkan Tradisi Nyanyian Rakyat	116
4.4.4	Mengekalkan dan Mengembangkan Bahasa Rungus	117
4.4.5	Memuji Seseorang (<i>Mongindazou</i>)	117
4.5	Penutup	118

BAB 5:	KEINDAHAN NYANYIAN RAKYAT RUNGUS	120
5.1	Pengenalan	120
5.2	Keindahan yang Menyerlah dalam Nyanyian Rakyat Rungus	121
5.2.1.	Penggunaan 'Padanan Semakna' dalam Semua Ungkapan dalam Lagu	122
5.2.2.	Bahasa Kuno, Kiasan dan Perlambangan	128
5.2.3.	Penggunaan Pelbagai Istilah Flora, Fauna, Ikan dan Alam Kayangan	131
5.2.4.	Aplikasi Ilmu <i>Rinait</i> , Hukum-hakam dan Adat-istiadat	141
5.2.5.	Kepelbagaian Melodi dalam semua Jenis Lagu	156
5.3	Penutup	157
BAB 6:	RUMUSAN DAN CADANGAN	158
6.1	Pengenalan	158
6.2	Rumusan	158
6.3	Cadangan Kajian	167
RUJUKAN		169
LAMPIRAN		179

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 1.1	Kedudukan Negeri Sabah di Asia Tenggara.	6
Rajah 1.2	Kumpulan Etnik Utama di Sabah Lokasi	8
Rajah 1.3	Lokasi Etnik Rungus dan Suku-suku Lain di Sabah	13
Rajah 1.4	Dialek-dialek Bahasa Momogun: Rungus, Nulluw dan Gonsomon, Bersama-sama Dialek Dusun Tobilung, Maragang (Kimaragang), Garo, Tinagas, Luba, Lingkabau dan Tambanuvo di Teluk Marudu / Utara	14
Rajah 1.5	Kedudukan Etnik Rungus di Kudat, Kota Marudu dan Pitas	15
Rajah 1.6	Rumpun Kadazan	17
Rajah 1.7	Rumpun Momogun	17
Rajah 1.8	Reka Bentuk dalam Rumah Panjang (<i>Bbinatang</i>) Rungus Menurut G.N. Appell, 1970.	19
Rajah 1.9	Reka Bentuk dalam Rumah Panjang (<i>Bbinatang</i>) Rungus Menurut Johari Arshad, 1976.	20
Rajah 1.10	Lokasi Kajian	32
Rajah 1.11	Kedudukan Kampung dan Bentuk Muka Bumi Lokasi Kajian	33

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.1	Senarai Kumpulan Etnik Sabah.	10
Jadual 1.2	Penyanyi Lagu Rakyat Rungus Berdasarkan Kepakaran Mengikut Umur di Lokasi (Kampung) Kajian.	38



SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1. Rumah Panjang Rungus (<i>Bbinatang</i>) dilihat dari hujung	21
Gambar 1.2. Rumah Panjang Rungus (<i>Bbinatang</i>) dilihat dari hadapan	21
Gambar 1.3. Rumah Panjang Rungus (<i>Bbinatang</i>) dilihat dari dekat bahagian belakang	22
Gambar 1.4. Rumah Panjang Rungus (<i>Bbinatang</i>) yang menunjukkan bahagian Khas di atas bumbung merupakan sebuah <i>rorizan</i> . Iaiti binaan menyerupai menara untuk menampatkan seorang gadis yang istimewa dalam sesbuah keluarga Rungus. <i>Rorizan</i> selalu disebut dalam nyanyian Rakyat Rungus	23

SENARAI SINGKATAN

KDM	Kadazandusun-Murut.
KDMR	Kadazandusun-Murut-Rungus
KAN	Ketua Anak Negeri
WKAN	Wakil Ketua Anak Negeri
OKK	Orang Kaya-Kaya



BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Nyanyian atau lagu rakyat adalah sebahagian daripada tradisi lisan yang yang amat indah, terdapat dalam kalangan seluruh rakyat negeri Sabah. Sebagai tradisi lisan yang amat indah, nyanyian rakyat mempunyai nilai yang amat tinggi. Nyanyian rakyat adalah khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya kerana akar budaya, bahasa dan sastera terangkum di dalamnya. Nilai nyanyian rakyat yang tidak terhingga ini menjadikan kewujudannya satu kemegahan dan kebanggaan sejak turun-temurun. Sebagai khazanah yang amat berharga, nyanyian rakyat perlu dipelihara, seterusnya dikembangkan supaya dapat melalui proses penyesuaian untuk merentas zaman.

Sebagai tradisi lisan, nyanyian rakyat tidak ditulis pada masa dahulu. Nyanyian rakyat terhasil secara spontan oleh golongan masyarakat yang biasanya tinggal di desa-desa atau kampung-kampung yang jauh di pedalaman. Amalannya adalah secara hafalan atau idea spontan semasa dinyanyikan. Nyanyian rakyat dipelajari melalui penyertaan dalam masyarakat yang mengamalkannya dan diwariskan kepada generasi seterusnya melalui pembelajaran tidak formal. Pembelajaran tidak formal itu juga adalah secara lisan.

Setelah tamadun manusia berkembang dan sudah mempelajari sistem tulisan, barulah nyanyian tersebut mula ditulis. Namun begitu, tidak semua nyanyian rakyat dapat ditulis seperti yang berlaku dalam hampir semua suku kaum di Sabah, yang mana nyanyian rakyat warisan mereka tidak tertulis. Begitu juga dengan nyanyian rakyat Rungus. Nyanyaian rakyat Rungus tidak pernah ditulis atau didokumentasikan secara sistematik sebelum ini, sehingga kajian ini dilakukan.



Nyanyian rakyat Rungus dinyanyikan tanpa iringan muzik. Nyanyian itu disampaikan berdasarkan kepintaran, kebijaksanaan, kemahiran, pengetahuan budaya dan istilah klasik Rungus sepenuhnya dan keupayaan mengingati "padanan-padanan semakna" yang mana setiap perkataan dalam nyanyian rakyat Rungus mempunyai padanannya yang tertentu. Nyanyian rakyat Rungus dapat dihubungkan terus dengan kesusasteraan tradisional dalam bentuk lisan kerana nyanyian rakyat Rungus mempunyai nilai sastera yang amat tinggi, mempunyai keindahan menakjubkan dan ungkapan yang amat berkesan di dalam bahasa Rungus. Keindahan dan ketinggian nilai sastera nyanyian rakyat Rungus amat bersesuaian dengan apa yang disebutkan oleh Appell (dalam Raymond Boin Tombung, 1994:3). Appell, seorang pengkaji dari Amerika telah menemui suatu yang sangat luar biasa indah pukau dan daya tarik uniknya sastera tradisional di negeri Sabah.

Menurut Appell (dalam Raymond Boin Tombung, 1994:12-13), "Terdapat sastera lisan yang telah terbangun ke tahap yang tinggi dan luar biasa keindahannya di Sabah yang didapati dalam kalangan semua suku kaum asli. Sementara kewujudannya diiktiraf oleh banyak pihak, kepentingannya sering tidak diberi perhatian, dan ia tidak didokumentasikan dengan baik. Sebahagian daripada sastera ini adalah berasaskan sembahyang dan dikir yang digunakan dalam kitaran pertanian, dalam percintaan, dalam menyembuh penyakit, dan dalam melindungi dan membaharui kesuburan wilayah kampung. Ia adalah sepenuhnya sama indah dan *sofistikated*, dari segi imejan puisi, seperti Saga-Saga Norse Lama, epik-epik Homer, dan sastera dari India. Dengan demikian, dari segi nilai-nilai estetika ia setaraf dengan mana-mana sastera agung dunia".

Meskipun Appell (dalam Raymond Boin Tombung, 1994: 12-13), membuat penjelasan secara umum tentang sastera "...dalam kalangan semua suku-suku asli... di Sabah", dalam petikan eseи tersebut, tetapi sebenarnya Appell lebih menjiwai dan menghalusi sastera tradisional Rungus yang meliputi tradisi rakyat (*folklore*), budaya rakyat (*folk culture*) dan pertukangan tangan (*arts and crafts*) serta permainan rakyat yang menjadi subjek kajian utamanya kerana selama lebih 30 tahun, bermula tahun 1959, berterusan pada tahun 1970-an, 1980-an,

sehingga 1990-an, dan penulis percaya, sehingga ke hari ini (2009), Appell masih memberikan perhatian kepada masyarakat Rungus di negeri Sabah.

Walaupun Appell telah membuat kajian dan menulis begitu banyak hal berhubung dengan masyarakat Rungus, tetapi Appell tidak pernah menyentuh persoalan nyanyian rakyat Rungus ini secara khusus. Apa lagi unsur "padanan semakna" yang menjadi sebahagian dari eleman nyanyian rakyat Rungus. Berdasarkan tinjauan, didapati bahawa belum ada mana-mana penulis atau pihak tertentu yang membuat kajian atau menulis tentang unsur "padanan semakna" dalam nyanyian rakyat Rungus. Inilah faktor yang mendorong pengkaji mengambil keputusan untuk memilih tajuk ini sebagai bahan kajian yang utama dalam kajian ini.

1.1.1 Latar Belakang Negeri Sabah

Sabah, negeri kedua terbesar di Malaysia mempunyai keluasan tanah 7.6 juta hektar atau 76 082 kilometer persegi (Ridzwan Hashim, 1993:2-4) atau 29, 000 batu persegi (Zaini Bin Mohd Isa, 1969:9). Bekas tanah jajahan Brirish ini terletak di penghujung utara Pulau Borneo, iaitu salah sebuah pulau terbesar di dunia, antara 4 dan 7 darjah garis bujur utara dan antara 115 dan 120 darjah garis bujur Timur (Rajah 1.1). Mohd. Nor Long (1983:1) menyebut Sabah terletak di garisan lintang utara antara 3 dan 7 darjah garis bujur utara dan garisan bujur timur antara 115 dan 119 darjah. Berdasarkan pernyataan Zaini dan Mohd. Nor Long, menunjukkan bahawa tanah Sabah ini mengunjur antara 3-7 darjah garis bujur utara dan 115-120 darjah gais bujur timur.

Kawasan tanahnya seluas 29,540 batu persegi. Banjaran Gunung Crocker berbaris dari utara ke selatan di sepanjang bahagian barat dari setinggi 4,000 hingga 13,000 yang berkemuncakkan Gunung Kinabalu. Banjaran ini rapat dengan pantai barat. Oleh itu, sungai-sungai yang mengalir ke pantai barat adalah pendek serta deras. Sebaliknya, di sebelah timur sungai-sungainya panjang melalui hutan tebal, mengalir ke laut Sulu dan Celebes. Terdapat banyak pantai, berteluk dan memanjang sejauh 1448 KM serta ditarisi oleh 38 pulau berpantai.

Nama "Sabah" telah lama digunakan, sebelum kedatangan British ke Pulau Borneo lagi. Nama "Sabah" telah mula digunakan dalam abad ke-15 oleh pelaut dan pedagang-pedagang yang mengembara di antara Kepulauan Sulu dengan Brunei. British tidak gemar menggunakan nama "Sabah" dan menuarkannya kepada "North Borneo" (Borneo Utara) pada tahun 1881 dalam semua urusan rasminya. Penukaran ini mempunyai hubungan langsung dengan lokasi negeri ini yang terletak di Pulau Borneo, pulau kedua terbesar di dunia. Nama "Sabah" digunakan semula apabila negeri ini menyertai Malaysia dalam tahun 1963 (Zakiah Hanum; dan *East Malaysia Annual*, 1978: dalam Ridzwan Hashim, 1993:1), yang kekal sehingga kini.

Lebih 12,500 tahun yang lalu, Pulau Borneo merupakan sebahagian daripada tanah besar yang bergelar "Sundaland". Kawasan itu telah mengalami banyak perubahan di permukaan bumi akibat gegaran gunung berapa yang berlaku ribuan tahun yang lalu. Perubahan-perubahan itu berlaku hingga ke zaman Palaeotik. Menurut Zakiah Hanum, wilayah atau kawasan di Pulau Borneo yang dinamakan "Sabah" sekarang ini, disebut juga sebagai "Api-api". Sebuah peta lama kurun ke-16 menyebut kawasan Sabah sebagai "Fire Island" (Pulau Api). Hal ini dapat sedikit dijelaskan dengan kewujudan gunung berapi lumpur (mud volcanoes) yang terdapat di Pulau Tiga (antara Labuan dengan Kota Kinabalu).

Menurut Zakiah Hanum lagi, "Negeri Sabah" juga pernah dikenali sebagai "Saludang". Nama "Saludang" ini disebut dalam syair Jawa karangan Prapancha, *Nagara Kertagama* (1365). Dinyatakan bahawa ada keterangan yang menunjukkan pusat negeri "Saludang" itu terletak di antara kawasan Teluk Marudu, ke Tanjung Bengkoka hingga ke Jambongan.

Zakiah Hanum menjelaskan lagi bahawa "Sabah" itu dikatakan berasal dari istilah "saba", iaitu sejenis pisang yang digelar "pisang saba", yang sekarang disebut sebagai "pisang menurun" atau kadang-kadang disebut juga sebagai "pisang jaba" oleh masyarakat Bajau. Penduduk yang mendiami kawasan pantai (di pantai barat), kebanyakannya menanam pisang berkenaan kerana "pisang saba" tumbuh subur dan terkenal hingga ke Brunei, sehingga menjadi panggilan

kepada negeri ini. Perkataan “saba” lama-kelamaan disebut mengikut pelat masyarakat setempat menjadi “Sabah”.

Namun begitu, berdasarkan Zakiah Hanum lagi, nama “Sabah” dikatakan pernah disebut dalam rekod-rekod asal Borneo, walaupun hanya sebagai rujukan kepada kawasan barat laut Borneo. Beberapa penulis lain mengaitkan nama “Sabah” dengan “Shaba” di Yaman. Misalnya Maxwell Hall yang menulis *Sabah and Shaba* membandingkan kedua nama tersebut dan menghubungkannya dengan bau-bauan yang wangi, rempah-ratus, emas dan permata yang terdapat pada zaman Raja Sulaiman. Hall menyatakan nama “Sabah”, “Saba”, “Sebca” dan “Shaba” adalah ejaan yang berlainan bagi nama yang sama. Seorang lagi penulis asing mengaitkan Sabah dengan “Sheba” di Yemen (Allen R. Maxwell, dalam Ridzwan Hashim, 1993:1). Ada yang mempercayai nama “Sabah” berasal daripada perkataan Arab. Apa yang pasti, nama “Sabah” bagi kawasan di utara Pulau Borneo terdapat dalam sejarah Brunei. Ini berlaku apabila Baron Gustav Von Overbeck diberi kuasa menakluk oleh Sultan Brunei dalam tahun 1877 dan salah satu gelaran yang dianugerahkan kepadanya ialah “Maharaja Sabah.”

Disebabkan buminya yang subur, Sabah pernah digelar Ceylon (Sri Lanka) kedua (Joseph Hatton, 1881; dalam Ridzuan Hashim, 1993:1). Ceylon pada masa itu terkenal hampir ke seluruh dunia. Kemudian Keith (1981; dalam Ridzuan Hashim, 1993:1) menamakan Sabah “Negeri Di Bawah Bayu” yang menjadi tajuk buku tulisannya tentang Sabah kerana Sabah terletak di luar garisan ribut taufan di utara.

Orang Inggeris yang pertama sekali melawat Borneo ialah Kapten Cowley dalam tahun 1665. Berdasarkan catatan sejarah, bahagian timur Teluk Marudu telah diserahkan kepada Sultan Sulu oleh pemerintahan Brunei pada tahun 1704. Sejarah moden Sabah bermula pada tahun 1846 apabila Alfred Dent menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei. Perjanjian itu menyebabkan Pulau Labuan (kini Wilayah Persekutuan Labuan), menjadi tanah jajahan British. Labuan, sebagaimana juga Sandakan, Kudat, Gaya dan Usukan, kemudian menjadi pelabuhan terpenting. Pada tahun 1881, “British North Borneo Chartered

Company” dibentuk untuk memerintah North Borneo (Sabah) yang diperolehi daripada Sultan Brunei dan Sultan Sulu melalui perwakilan. Selain, orang Inggeris, Orang Belanda ialah bangsa Eropah yang pernah menguasai Borneo, kecuali bahagian utara.

Rajah 1.1 Kedudukan Negeri Sabah Di Asia Tenggara



Sumber: Tomorthy Odoh (2005)

Dari tahun 1881 sehingga kepada penaklukan Jepun pada tahun 1941, Sabah, yang dikenali sebagai British North Borneo pada akhir abad ke-19, menghadapi pemberontakan yang diketuai oleh Putera Sulu, iaitu Pahlawan Mat Salleh. Selepas zaman Jepun, North Borneo Chartered Company telah menyerahkan Sabah kepada Kerajaan (Arena Wat, dalam Ridzwan Hashim,

1993:2) dan Sabah menjadi "British Crown Colony". Sabah mencapai kemerdekaan apabila menjadi sebahagian daripada Malaysia pada tahun 1963.

1.1.2 Latar Belakang Penduduk Pelbagai Suku Kaum Sabah


Komposisi penduduk negeri Sabah telah berubah sejak tahun 60-an. Pada bancian tahun 1970 (*Siaran Perangkaan Tahunan Sabah, 1978*; dalam Ridzuan Hashim, 1993: 8), menunjukkan bangsa Dusun/Kadazan, Murut, Bajau, Melayu dan kaum-kaum etnik lain berjumlah 67.0% daripada keseluruhan penduduk, manakala Cina 21.3%, Indonesia 6.0% dan bangsa-bangsa lain 5.7%. Pengkategorian penduduk Sabah biasanya dibuat berdasarkan agama dan keturunan, seterusnya membezakan antara yang bukan Islam, penduduk asli (kebanyakannya Kadazan dan Murut), penduduk Islam tempatan (kebanyakannya kaum Bajau) dan penduduk bukan Islam yang berasal dari negara lain (kebanyakannya bangsa Cina).

Berdasarkan *Siaran Perangkaan Tahunan Sabah* (1986), jumlah penduduk Negeri Sabah pada 30 September 1987 ialah 1,550 000 orang. Daripada jumlah ini, lebih 1.1 juta adalah peribumi. Keistimewaan penduduk peribumi Sabah adalah kerana terdiri daripada 39 kumpulan etnik. Namun begitu, pecahan perangkaan sebenar untuk tahun 1986 bagi setiap kaum itu tidak diperolehi kerana sebab-sebab tertentu (Ridzwan Hashim, 1993:8).

Terkini, jumlah penduduk Sabah, seperti yang dilaporkan dalam *Sabah: Yearbook of Statistic (2007)* ialah 3,081,900 orang. Dalam tempoh 60 tahun (1921-1980), penduduk Sabah telah meningkat 281.2%, namun begitu peningkatannya tidak serata antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Suku kaum Murut berkurang secara mendadak (Sullivan & Regis, 1981). Antara tahun 1960 dan 1970, sembilan daerah iaitu Keningau, Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Penampang, Sandakan, Labuk, Semporna, Lahad Datu dan Tawau mengalami pertambahan penduduk yang melebihi anggaran. Semua daerah berkenaan terletak di pesisir pantai dan kerap didatangi oleh rakyat asing. Di daerah lain, pertambahan penduduk adalah sederhana. Bahagian pedalaman seperti Pensiangan dan Tambunan, yang pernah mengalami kemerosotan bilangan

penduduk, menunjukkan pertambahan penduduk paling sederhana. Keningau mencatatkan pertambahan 80% manakala bahagian lain menunjukkan kadar pertambahan yang kurang, berbanding dengan kawasan pesisiran pantai barat.

Rajah 1.2: Kumpulan Etnik Utama di Sabah.



Sumber: Ubahsuai daripada King & King (1984)

Sabah mempunyai 39 kumpulan etnik sebagaimana terdapat dalam Jadual 1.1, yang disiarkan oleh *Sabah Museum Monograph* (Michael & Boutin, dalam Ridzwan Hashim, 1993: 8). Rencana Jabatan Muzium Sabah, yang ditulis oleh Ismail Hj. Mansor dan disiarkan dalam *New Sabah Times*, Ahad 29 Jun 2003 (hlm. 8) bertajuk "*Lebih 70 suku kaum di Sabah?*" menjelaskan Sabah mempunyai 72 suku kaum yang mempunyai 80 dialek pertuturan dan lebih kurang 50 bahasa sukuan. Suatu yang sukar dipercayai tapi dapat dibuktikan melalui fakta budaya,

adat resam dan sejarah setempat. Suku-suku kaum ini tinggal bertaburan di merata tempat di negeri ini.

Suku kaum Bonggi hanya terdapat di kepulauan Banggi, di utara Kudat, yang juga dihuni oleh etnik Kagayan, Ubian Bajau dan Suluk. Suku kaum Rungus pula terdapat di Kudat. Suku kaum Rungus terkenal dengan rumah panjang, gubahan manik, tenunan kain dan pembuatan gong. Suku kaum Rungus itu sendiri mempunyai sub-etnik yang lain iaitu Nulluw¹, Gonsomon dan Pillapazan serta Gandahon. Suku kaum lain seperti Iranun, Ilanun, Bajau, Brunei, Tobilung dan Sinandapak juga terdapat di Kudat.

Walaupun Pitas dikenali sebagai tempat tinggal suku kaum Rungus, namun terdapat juga suku kaum yang lain seperti Kimaragang, Tombonuo, Sundayo dan Paitan. Suku-suku kaum ini mempunyai dialek pertuturan yang berbeza antara satu dengan lain tetapi adat resam hampir sama malah mereka juga memiliki cara hidup yang sama dan sosio budaya yang hampir sama.

Di Kota Marudu pula terdapat suku kaum seperti Garo, Paitan, Sonsogon, sedikit Bajau, Talantang, Liba, Kavananan dan Rumanau. Di Kota Belud pula mempunyai himpunan masyarakat dari suku kaum Bajau yang paling banyak dan beberapa suku lain seperti Iranun, Kagayan, Tinagas dan Dusun Tindal.

Taburan suku kaum Bajau dan Dusun Lotud hanya diperolehi di daerah Tuaran hingga ke Tamparuli, manakala di Ranau terdapat suku kaum Dusun, Lingkaban, Sukang dan Tolinting. Di daerah Kota Kinabalu pula ditemui suku Bajau, Kadazanadusun dan sedikit suku kaum Bundu dan Dusun Tindal. Di daerah Penampang pula didiami paling ramai suku Kadazandusun, sementara di daerah yang berhampiran, iaitu Tambunan didiami oleh suku Dusun, Liwan, Tuhanan,

¹ Terdapat tiga huruf rumi yang tidak dapat menyebut perkataan Rungus dengan sebutan atau bunyi yang betul, iaitu "l", "d" dan "b" dan perlu diberi simbol "ll", . "dd" dan "bb" (dieja dengan mengulang dua kali huruf tersebut) seperti istilah Nuluw dieja Nulluw. Istilah Pilapazan dieja Pillapazan. Kata *damat* (luka) perlu dieja *ddamat* dan *dahada* (kesan) dieja *ddahadda*. Begitu juga dengan kata *binatang* (rumah panjang) perlu dieja *bbinatang* dan kata *bobolizan* (pengupacara ritual) dieja *bbobbollizan*. Ejaan ini akan digunakan seterusnya apabila melibatkan perkataan-perkataan yang berkenaan.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. 2000. *Kritikan Estetik Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hakim Hj Mohd. Yassin, Haji (ed). 2000. *Traditional Literatur of ASEAN*. Brunei Darussalam. The Secretary General of ASEAN.
- Abdul Halim Bandan. 2005. *Lagu-lagu Rakyat Sabah: Realiti dan Cabaran*. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Seminar Sastera Rakyat Sabah yang diadakan di Lahad Datu, Sabah pada 26-27 Ogos.
- Abdul Halim Bandan. 2006. *Cerita Tradisi Sabah Pelbagai Kaum*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Jamal Abdul Hamid. 2006. Lagu-lagu Rakyat Sabah: Masyarakat Suku Kaum Brunei di Weston Sabah. Dalam Rogayah A. Hamid Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 172-181. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aini Haji Karim. 2007. *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Berakas. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, elia dan Sukan.
- Amir Husairi Sharif. 2006. *Apa Ada Pada Lirik?* dalam *Dewan Budaya*. Mei. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pusaka, hlm. 24.
- Anis Sabirin. 1989. *Mengenal Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Appell, G.N. 1964. The Long-house Apartment of the Rungus Dusun. *Sarawak Museum Journal* XI: 570-573.
- Appell, G.N., 1968a. *The Dusun languages of northen Borneo: the Rungus Dusun and related problems*. Oceanic Linguistics, Vol.VII, No.1, Summer, 1968.
- Appell, G.N. 1978. *The Rungus Dusun*. Dalam King, Victot T. (Editor), 1978. *Essays on Borneo Societies*. Hull Monographs on South-East Asia No.7, Oxford: Oxford University Press for the University of Hull.
- Appell, G. N .1994. "The Sabah Oral Literature Project: Report for the Period 1986 to 1992". *Persidangan Dwi-Tahunan Kedua Majlis Penyelidikan Borneo, 13-17 Julai 1992*, Kota Kinabalu, Sabah, hlm.3-5, seperti yang dipetik oleh Raymond Boin Tombung, 1994, hlm26-27.

- Arena Wati. 1974. *Pribumi Sabah; Satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Aripin Said. 1994. *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. 2002. *Nyanyian Rakyat*. Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Aripin Said. 2006. Nyanyian Rakyat: Mencari Khazanah yang Hilang. Dalam Rogayah Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 229-240. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay People of Malaysia And Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat. 2007: 1. *Bungalina: Satu Kajian Studi Budaya terhadap Masyarakat Bajau Laut Di Sabah*. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Bicara Karya Sastera yang diadakan di Keningau pada 30 Disember.
- Benedict Topin, 1989. *Peranan dan Sumbangan Persatuan Kebudayaan Kadazan Sabah (PKKS) dalam Pembangunan Pembentukan Kebudayaan Nasional Malaysia*. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan Sabah, 28-30 Julai.
- Beng, Helen Ten Hong & Kwok Kim Teck. 1992. *Pengajaran Muzik Awal Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Boris Paranickel (ed). 1997. *Kebudayaan Nusantara Kepelbagaian Dalam Kesatuan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.I..1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil, Haji. 1981. *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chatfield, G. A. 1965. *Sabah A General Geography*. Landon. Eastern Universities Press Sdn. Bhd..
- Charles Osingko. 46 tahun. Kampung Tinutudan, Matunggong, Kudat, Sabah. 24 Oktober 2005.
- Chin, Mary, 2004. *Masyarakat Rungus dalam Daily Express (Harian Expres, Surat Khabar) 4 Januari 2004*. Kota Kinabalu, Sabah.

- Dayu Sansalu. 2008. *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881 – 1967*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Department of Sabah Museum And State Archives. 1992. *Pengenalan Kepada Alat-Alat Muzik Tradisional Sabah An Introduction To The Traditional Musical Instruments of Sabah*. Kota Kinabalu.
- Doctor in Borneo. 1938-1945.*
- Driss, Saiee. 2006. Lagu Rakyat Sarawak: Pemuliharaan dan Perubahan Fungsi. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 250-266. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duas Ingkat @ Juas, 1992. *Cerita Binatang Rungus: Analisis Fungsi Motif dan Pemikiran: Satu Kajian Kes di Daerah Kudat, Sabah*. Latihan Ilmiah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian, Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. (TidakDiterbitkan).
- Dundes, Alan, 1965. *The Study of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J.. Prentice-Hall. Inc.
- Dundes, Alan, 1980. *Interpreting Folklore*. Bloomington. Indiana University Press.
- Ellen Masalim. 52 tahun. Kampung Tambuluran, Matunggong, Kudat, Sabah. 31 Mac 2005.
- Evans, Ivor H.N..1990. *Among Primitive Peoples in Borneo*. Singapore. Oxford University Press, Oxford New York.
- Forschner T.A.. 1994. *Hoturan Di Boros Momogun (Rungus) Outline of A Momogun Grammer (Rungus Dialect)*. Kudat. T.A. Forschner.
- Geafry Mongijal, Jabatan Pertanian Sabah.2005. Kedudukan Kampung dan Bentuk Muka Bumi Lokasi Kajian.
- Hamidah Abdulhamid. 1995. *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud (Peny.).1994. *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Dollah. 1999. *Lagu Rakyat Memupuk Semangat Nasionalisme dalam Dewan Budaya*. November. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.12.

- Harun Mat Piah. 2003. *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah *et.al.* 2005. Dalam Dardie bin Hj. Sawal. *Lagu dan Tarian Rakyat di Daerah Lahad Datu dan Sekitarnya – Tumpuan Khas Suku Kaum Dusun Subpan Segama: Analisis dan Perbincangan*. Kertas Kerja disampaikan dalam Seminar Sastera Rakyat Sabah yang diadakan di Lahad Datu pada 26-27 Ogos.
- Harun Mat Piah et al. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2006. Magis dan Implikasinya dalam Lagu-lagu Tradisional Melayu. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 27-44. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hutton, Wendy. 2003. *Sabah Colour Guide Kudat*. Kota Kinabalu. Natural History Publication (Borneo).
- Inggol Pulok. 1991. *Masyarakat Rungus*. Dalam majalah *Suara Muhibah*, Jilid 1/91, Bilangan 1 Julai-September 1991. Kota Kinabalu. Jabatan Perpaduan Negara, Negeri Sabah.
- Irwin, Graham. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka (Terj. Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail).
- Ismail Hamid (Edisi Kedua). 1991. *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hj. Mansor. 2003. *New Sabah Times* (Surat Khabar), Ahad 29 Jun. Kota Kinabalu, Sabah. Rencana Jabatan Muzium Sabah. *Lebih 70 Suku Kaum di Sabah?*.
- Ismaily Bungsu. 1988. Kota Kinabalu. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Wisma Sabah.
- Japar Ungki (Peny.). 1996. *Angin Di Bawah Gunung (Antologi Karya Pemenang Hadiah Sastera Sabah 1992/1993)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Japuin Madisah. *Tatacara Adat Istiadat Dan Kebudayaan Kadazan*. Kota Kinabalu. SIKUK Publication.
- Jamas Danandjaja. 1984:21, dalam Rayah Md Ali, Hajah dan Mas Osman (ed). 2000:1.
- James Danandjaja. 2007. *Folklor Tionghoa*. Jakarta. Pustaka Utama Grafiti.

- James Rubinsin Kotulai, 2004. *Manifesto Calon Bebas N4 Matunggong*.
- Jasni Matlani. 50 tahun. Kota Kinabalu, Sabah. 31 Mei 2005.
- Jeubirin Bin Sopital, 2000. *Bobolizan: Peranan dan Kepentingannya dalam Masyarakat Rungus Tradisional*. Latihan Ilmiah untuk Program Sosialogi dan Antropologi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. (Tidak Diterbitkan).
- Johami Abdullah. 1997. *Pendidikan Muzik Semasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kinindangan binti Masani. 77 tahun. Kampung Guomon, Matunggong, Kudat, Sabah. 26 Februari 2005.
- K-Kissey, Joanna. 1998. *Traditions of the Rungus*, dalam *Borneo Culture.Nature.Adventure*. Vol. 4 No. 1/2 PPH150/7/98, hlm. 35.
- Leng, Lee Yong . 1982. *Sabah Satu Kajian Geografi Peempatan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Swee Tin. 2006. *Lirik Lagu Cerminan Citra Budaya Bangsa dalam Dewan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Mei, hlm. 11.
- Limpot O.T. Majalu. 65 tahun. Kampung Guomon, Matunggong, Kudat Sabah. 24 Oktober 2005.
- Magandai Mangatang. 67 tahun. Kampung Inukiran, Matunggong, Kudat Sabah. 24 Oktober 2005.
- Majial Mangulizang. 58 tahun. Kampung Inukiran, Matunggong, Kudat, Sabah. 26 June 2005.
- Majuma bin Linsapu. 78 tahun. Kampung Matunggong / Kampung Guomon, Matunggong, Kudat, Sabah. 2 April 2005.
- Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor. 1995. *Aspek-Aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madulara ((Ahmad Usop). 2004. *Joget Lambak*. Melaka. Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka.
- Masangku bin Mojuma. 55 tahun. Kampung Guomon, Matunggong, Kudat, Sabah. 31 Mac 2005.
- Md. Ali bin Bachik (ILADAM). 2003. *Khazanah Puisi Klasik Melayu*. Melaka. ILADAM dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

Michael Kennedy. *The Concise Oxford Dictionary of Music*. Oxford Paperbacks
Oxford University Press.

Mogawan Malis. 64 tahun. Kampung Gombizau, Matunggong, Kudat, Sabah.
31 Mac 2005.

Mohamad Daud Mohamad. 1999. *Lagu Rakyat; Pewujudan Nurani Rakyat Dewan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. November, hlm. 20.

Mohd. Nor Long. 1982. *Perkembangan Pelajaran Di Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Khalid Taib. 1991. Legenda-Legenda Nama Tempat dan Orang Terkenal di Semenanjung Malaysia. Dalam Mohd. Taib Osman (Penye.). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Hlm. 256-309. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman (ed). 1977. *Tradisi Lisan Di Sabah (Kumpulan Kertaskerja-kertaskerja Seminar Pendokumentasian Tradisi Lisan Di Sabah, Kota Kinabalu, 13-15 November, 1976)*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.

Mohd. Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman (Edisi Kedua). 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman (Peny.). 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Yassin Isa. 1976. Moginum Sebagai Satu Upacara, dlm. Mohd. Taib Osman (ed.). *Tradisi Lisan Sabah*. Kota Kinabalu. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.

Mohamad Shahidan. 2009. *Mencintai Pantun*. Kuala Lumpur. Quest Ahead Sdn. Bhd..

Mohamed Ghous Nasuruddin. 2000. *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Haji Salleh. 2006. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhiddin Yusin. 1990. *Islam Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nicholson, Sydney M. 1985. *Metode-Metode Praktis Untuk Paduan Suara*. Terj.. Jakarta. PT. BPK Gunung Mula bersama Yayasan Kanisius.
- Norazit Selat. 2006. Indung: Lagu Rakyat dari Hulu Tembiling, Pahang. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 105-121. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nureeyan Saleh. 1999. *Lagu Dodoi Melayu Patani*. Bangi. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Farouk Bajunid. 1989. *Warisan Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur. Asrama Za'ba, Universiti Malaya.
- Perayaan Sabah Seratus Tahun 1881-1981*. 1981. *Penduduk*. Kudat. Pejabat Daerah Kudat, hlm. 36.
- Pesta Kaamatan Matunggong*. 2007. *Pesta Kaamatan dalam Konteks Suku Kaum Rungus*. Matunggong. Pejabat Daerah Kecil Matunggong, hlm. 16.
- Pius J. Kating @ Oliver. 1996. *Alat-alat Muzik Tradisional Sabah, Warisan Budaya Kita Bersama*. Kota Kinabalu. KDI Publication.
- Parasin Bongkol, Pdt (ed), (Moongumpug Tinungkusan Momogun Rungus Sabah). 2005. *Adat om Koundango do Momogun Rungus*. Kudat. Gorija Protestan sid Sabah (PCS).
- Pudentia MPSS. 2000. Indonesia. Dalam Abdul Hakim Hj Mohd. Yassin (Ed.). *Traditional Literature of ASEAN*. Hlm. 56-106. Bandar Seri Bagawan: The Secretary General of ASEAN.
- Rahmah Bujang. 1989. *Dseri Persembahan Bangsawan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Bujang. 1994. *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Haji Bujang. 1999. *Lagu Melayu Tradisi Jambatan Penyatuan Orang Melayu dalam Dewan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan
- Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon. 2004. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Pustaka. November, hlm.8.
- Ramli Sarip. 2006. *Citra Bangsa dalam Lirik dalam Dewan Budaya*. Mei, hlm. 26.
- Rayah Md Ali dan Mas Osman. 2000. Brunei Darussalam. Dalam Abdul Hakim

Hj Mohd. Yassin (Ed.). *Traditional Literature of ASEAN*. Hlm. 1-55. Bandar Seri Bagawan: The Secretary General of ASEAN.

Raymond Boin Tombung. 1991a. *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu. Newland Management dan Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Raymond Boin Tombung. 1991b. *Otografi Dusun*. Kota Kinabalu. Newland Management dan Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Raymond Boin Tombung. 1993. *Warkah Untuk Pairin*. Kota Kinabalu: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Raymond Boin Tombung. 1994. *Sastera Dusun*. Kota Kinabalu. Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Raymond Majumah. 2003. *Momogun Rungus Borneo Utara: Warisan Sastera dan Budaya Sabah*. Kota Kinabalu: SLC Sdn. Bhd.

Ridzwan Hashim. 1993. *Sumber Makanan Pesisiran Laut Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rinjamal bin Montuduk. 55 tahun. Kampung Guomon, Matunggong, Kudat, Sabah. 20 Jun 2005.

Rita Lasimbang and Stella Moo-Tan (ed.). 1997. *An Introduction To The Tradition Costumes of Sabah*. Kota Kinabalu: Nutural History Publications with Department of Sabah Meseum.

Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). 2006. *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rokiak Onjinkun @ Rokiah Ojinkun, 1991. *Humor dan Wit Dalam Cerita Rakyat Rungus*. Latihan Ilmiah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian, Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. (Tidak Diterbitkan).

Ronnie Lezin Onginjan. 57 tahun. Kampung Kimihang, Kudat, Sabah. 24 Oktober 2005.

Rundabang Linsapu. 74 tahun. Kampung Pakuh, Matunggong, Kudat, Sabah. 30 Ogos 2005.

Safian Hussain *et.al* . 2000. Dalam Rayah Md Ali dan Mas Osman. Brunei Darussalam. Dalam Abdul Hakim Hj Mohd. Yassin (Ed.). *Traditional Literature of ASEAN*. Hlm. 1-55. Bandar Seri Bagawan: The Secretary General of ASEAN.

- Samoiloff, Lazar S.. 1942. *The Singer's Handbook*. Philadelphia. Thepdore Presser Compay.
- Sinogipun binti Montuduk. 60 tahun. Kampung Guomon, Matunggong, Kudat, Sabah. 14 Julai 2005.
- Sovoli bin Mabok. 65 tahun. Kampung Guomon, Matunggong, Kudat, Sabah. 28 Mei 2005.
- Shuhailun Yussuf. 70 tahun. Kaampung Pengalat, Papar. 31 Mei 2006.
- Siti Hawa Haji Saleh (Peny.). 1987. *Cendekia Kesusastraan MelayuTradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2002. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taha Abdul Kadir. 2006. Bongai – Seni Permainan Tradisional MasyarakatMelayu Negeri Sembilan. Dalam Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 122-138. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. 1991. *Potret Kreatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. 1992. *Menangani Penulisan Kreatif Sastera Remaja*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Alaudin Tengku Abd.Majid. 1999. *Pemuliharaan Lagu Rakyat Menguatkan Jati Diri dalam Dewan Budaya*. Mei, hlm. 16.
- Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid. 2006. Pemuliharaan Lagu-lagu RakyatTradissional Melayu: Pengalaman Kementerian, Kebudayaan danKesenian dan Pelancongan Malaysia. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 290-324. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas Jamalun, OKK. 58 tahun. Ketua Daerah Matunggong. 31 Mac 2005.
- Timorthy Odoh. 2005. Kedudukan Negeri Sabah Di Asia Tenggara.
- Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara. 2005. *Sastera dan Kemanusiaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utley, Francis Lee. 1965. Folk Literature: An Operational Definition. Dalam Dundes, Alan, 1965. *The Study of Folklore*. Hlm. 7-24. Englewood Clifts, N.J.: Prentice-Hall. Inc.

- Yong, H.S.. 1996. *An Introduction To 20th Century Music (With Exercises on Music Scores)*. Seberang Perai Tengah. Rhythm MP.
- Zahir Ahmad. 2006. Lagu-lagu Jenaka Rakyat Kedah: Suatu Pengenalan Tokoh. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 139-171. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Bin Mohd. Isa. 1969. *Kebudayaan dan Adat Resam Kadazan dan Murut*. Kota Bharu. Pustaka Aman Press.
- Zakaria Ali. 1989. *Seni dan Seniman Esei-Esei Seni Halus*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zubir Ali. 2006. Masa Depan Lagu Rakyat Tradisional di Malaysia. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Peny.). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Hlm. 267-275. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. 2006. *Jati Diri Bangsa dalam Lirik dalam Dewan Budaya*. Mei, hlm.19.